

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-24
Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong.
Kuliah Maghrib Ustaz Abu Zulfiqar kali ke-108

Dilarang pengetahuan (ilmu nujum) tersebut dari tiga segi :

1. Bahawa **ilmu itu memberi melarat** kepada kebanyakan orang, sebab apabila diterangkan kepada mereka bahawa hal-hal itu terjadi akibat perjalanan bintang-bintang, lalu tumbuhlah anggapan dalam hati mereka bahawa bintang-bintang itu dapat memberi bekas.

Bintang-bintang pengatur nasib :

1. Aries – kambing jantan.
2. Taurus – lembu jantan.
3. Gemini – anak kembar.
4. Cancer – ketam.
5. Leo – singa.
6. Virgo – wanita.
7. Libra – dewi keadilan/alat timbangan
8. Scorpio – kala jengking.
9. Sagitarius – pemanah.
10. Capricon – kambing jantan
11. Aquarius – penuang air.
12. Pisces – sepasang ikan.

Dan bahawa bintang-bintang itu tuhan-tuhan pengatur., kerana ia zat mulia di langit. Lalu terputuslah dari hati ingatan kepada Allah Ta'ala.

Seorang yang dalam ilmunya, memandang bahawa matahari, bulan dan bintang itu menurut perintah Allah Ta'ala.

Pandangan seorang yang lemah iman kepada adanya cahaya matahari sesudah terbit, adalah seumpama semut. Jika dijadikan baginya akal dan ia berada di atas secarik kertas, lalu memandangi kepada kehitaman tulisan yang terus membarui, maka ia beriktihad bahawa hal itu perbuatan pena, dan tidak meningkat pandangannya kepada memperhatikan anak jari. Kemudian dari jari, kepada tangan, kemudian kepada kemahuan menggerakkan tangan itu. Kemudian dari tangan kepada penulis itu sendiri yang bertenaga dan berkemahuan. Kemudian dari penulis itu kepada Yang Menjadikan tangan, kemampuan dan kemahuan.

Kebanyakan pandangan manusia terbatas kepada sebab-sebab yang dekat, yang di bawah, terputus dari peningkatan kepada yang menyebabkan sebab-sebab itu. Inilah salah satu sebab pelarangan ilmu nujum.

2. Sesungguhnya keputusan-keputusan ilmu nujum itu adalah **tekaan semata-mata**. Maka keputusan dari nujum itu adalah keputusan dengan kebodohan.

Adalah yang demikian itu suatu mukjizat bagi Nabi Idris a.s. menurut yang diriwayatkan. Ilmu nujum itu sudah lenyap, tersapu dan terhapus.

3. Bahawa tidak ada faedahnya ilmu nujum itu. Sekurang-kurangnya keadaannya ialah terperosok ke dalam **perbuatan yang sia-sia**, yang tidak perlu membuang –buang umur yang amat berharga bagi manusia pada perkara yang tidak berfaedah. Itulah satu kerugian yang tidak berkesudahan.

Kecuali **ilmu kedokteran**, maka ilmu itu diperlukan. Kebanyakan dalil-dalinya dapat diselidiki.

Dan terkecuali juga **ilmu menta'birkan mimpi**, walaupun ia merupakan tekaan tetapi adalah sebahagian daripada 46 bahagian daripada kenabian, dan tidak ada bahaya padanya.

SEBAB KETIGA

Terjun ke dalam ilmu yang tidak memberi faedah kepada orang itu dari ilmunya. Ilmu seperti itu adalah tercela terhadap orang itu, seperti dipelajarinya ilmu yang halus-halus sebelum yang kasar-kasar, dipelajarinya ilmu yang tersembunyi sebelum ilmu yang terang, dan seperti diperbincangkannya tentang rahsia keTuhanan (al-asraril Ilahiyah).

Berapa banyak orang yang terjun ke dalam ilmu pengetahuan dan beroleh kemelaratan. Jikalau tidaklah ia terjun ke dalam ilmu pengetahuan itu, nescaya adalah halnya lebih baik dalam agama daripada apa yang telah terjadinya padanya.

Dan tidak dapat dinafikan, adanya ilmu yang mendatangkan kemelaratan bagi sebahagian manusia, seumpama melaratnya daging burung dan beberapa macam kuih yang enak rasanya kepada bayi yang masih menyusu. Bahkan banyak orang yang berguna baginya kebodohan dalam beberapa hal.

Nabi Isa a.s pernah berkata : "Alangkah banyaknya pohon kayu dan tidaklah semuanya berbuah. Alangkah banyaknya buah-buahan dan tidaklah semuanya baik. Dan alangkah banyaknya ilmu pengetahuan dan tidaklah semuanya berguna."

RINGKASAN KULIAH KALI INI

Ilmu nجوم ialah ilmu yang tercela kerana :

1. Ia membawa kemelatan kepada kebanyakan orang, sehingga ada yang percaya bintang-bintang itu berkuasa menentukan kehidupan mereka.
2. Ia adalah tekaan semata-mata,
3. Ia ilmu yang sia-sia. Merugikan masa.

Antara kaum penyembah bintang yang disebut dalam Al-Quran ialah kaum Sabi'in (Sabians).

Minda manusia biasanya melihat perkara yang dekat, bukan perkara yang hakikat.

Belajar biarlah mengikut urutan :

1. Dari ilmu yang kasar-kasar kepada ilmu yang halus-halus.
2. Dari yang rendah-rendah kepada yang tinggi-tinggi.
3. Dari yang mudah-mudah kepada yang susah-susah.
4. Dari yang terang-terang kepada yang tersembunyi.

MAKLUMAN

Anda terlepas kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas? Usah khuatir!

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini sudah ada **145 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 39 fail video. Selamat mengambil manfaat.

INTIPATI KULIAH YANG LEPAS

Pada dasarnya, SEMUA ILMU ADALAH BAIK kerana ia membuatkan kita tahu perkara yang kita tidak tahu.

Namun begitu sesuatu ilmu itu dikira TERCELA apabila:

1. Ilmu itu membawa kemelaratan, contohnya ilmu sihir.
2. Biasanya ilmu itu membawa kepada kemelaratan, contohnya ilmu nujum.
3. Ilmu itu tidak berfaedah untuk dipelajari.

Antara contoh istidraj ialah diizinkan Tuhan untuk menjayakan sesuatu perkara yang menarik adat (luar biasa) tetapi dengan kemurkaan-Nya.

Apakah pendinding daripada sihir?

“Bacalah surah Al-Ikhlash, Al-Falaq dan An-Nas, masing-masing 3 kali pada waktu petang dan pagi, ia akan melindungimu dari segala macam bahaya.” (Abu Daud, Turmizi, An-Nasa’i)

“Daripada Ai’ishah bahawa Nabi saw baring di tempat tidurnya pada setiap malam, baginda merapatkan kedua-dua belah tapak tangannya, kemudian meniup kedua-duanya dan membaca padanya Qulhuallahuahad, Qulauzuburabbilfalaq dan Qulauzubirabbinnas, kemudian menyapu dengan kedua-duanya seluruh tubuh yang tercapai oleh kedua-duanya dimulakan dari kepala, muka, kemudian seluruh tubuhnya. Baginda berbuat demikian 3 kali.” (Bukhari, Muslim)

Apakah maksud ilmu nujum?

Ilmu bintang. Ada dua bahagian :

1. Ilmu nujum yang dibolehkan iaitu ilmu mencari arah, kedudukan planet, ilmu taqwim.
2. Ilmu nujum yang tidak dibolehkan iaitu ilmu tilik nasib dan ilmu sebab-musabab.

Bagaimana dengan ramalan cuaca?

Boleh, kerana ia bersandarkan kepada ilmiah. Yang tak boleh ialah ilmu yang bersandarkan kepada agak-agak dan reka-reka.

Bagaimanakah yang dikatakan sikap menyalahkan takdir?

1. Menyalahkan Tuhan. Menganggap Tuhan tidak adil.
2. Tidak percaya yang Tuhan tahu segala perkara.

Siapakah Harut dan Marut?

“Dan mereka (orang-orang Yahudi) mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Sulaiman itu tidak kafir tetapi syaitan-syaitan itulah yang kafir. Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada DUA MALAIKAT Harut dan marut di negeri Babil (Babylon, Iraq). Padahal kedua-duanya tidak mengajarkan sesuatu kepada seseorang sebelum mengatakan : “Sesungguhnya kami hanyalah cubaan, oleh itu janganlah kafir.” Maka mereka mempelajari daripada kedua-duanya apa yang memisahkan antara seseorang (suami) dengan isterinya. Mereka tidak akan dapat mencelakakan seseorang dengan sihirnya kecuali dengan izin Allah.” (Al-Baqarah : 102)

